

CNS1214

R GB 03-06 00215 BA511

bah

Mahathir - Pemimpin

PEMILIHAN PEMIMPIN HENDAKLAH DIBUAT SECARA ADIL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini. Islam menghendaki supaya usaha yang rapi dilakukan dalam mencari calon yang paling layak dan sesuai untuk memegang sesuatu jawatan penting.

Langkah itu bagi memastikan supaya mereka yang melantik itu tidak berlaku zalim kepada diri sendiri, kepada yang dilantik dan kepada masyarakat yang mengharapkan perkhidmatan yang paling baik daripada perlantikan itu, katanya.

Beliau berkata, dalam memilih seseorang untuk sebarang jawatan atau tugas, lebih-lebih lagi jawatan penting seperti hakim, Islam menentukan supaya orang yang paling layak sahaja dipertanggungjawabkan dengan tugas atau jawatan sedemikian.

"Sekiranya kita melantik orang yang bukan ahli dalam bidang berkenaan maka kita melakukan dua jenis kezaliman," katanya semasa merasmikan Persidangan +Islam dan Keadilan+ anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini.

Kezaliman pertama, kata beliau, orang yang dilantik itu sendiri dizalimi kerana dia tidak akan dapat menyempurnakan tugasnya kerana tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan. Dia akan merasa tertekan, bosan, tidak yakin kepada dirinya dan tidak berminat melakukan tugasnya.

Kedua, orang atau masyarakat yang seharusnya mendapat perkhidmatan daripada pemegang jawatan tadi, dizalimi kerana perkhidmatan yang diharapkan itu tidak akan terlaksana. -- Lagi.

▼03/06/14-32MST

CNS1219

R GB 03-06 00133 BA512

bah

Mahathir - Pemimpin 2 Kuala Lumpur

Menurut Perdana Menteri dalam Islam keadilan itu sendiri bermaksud meletakkan sesuatu pada haknya.

Katanya tiga aspek keadilan yang paling penting dalam konteks ini ialah pertama, meletakkan seseorang pada jawatan atau tugas yang sesuai mengikut kemampuannya dan kedua menjatuhkan hukuman atau membuat keputusan yang paling sesuai mengikut keadaan atau orang yang menerimanya.

Aspek ketiga ialah meletakkan harta atau kekayaan kepada orang yang benar-benar berhak memilikinya, kata beliau.

Daripada segi menjatuhkan hukuman, Dr Mahathir berkata Islam telah meletakkan berbagai-bagai panduan melalui Al-Quran dan Sunnah Rasulullah supaya segala hukuman yang dijatuhkan hendaklah adil.

"Cara yang harus digunakan hendaklah membolehkan segala maklumat didapatkan, ditapis dan ditimbang sehingga tidak ada sebarang kecurigaan untuk menjatuhkan hukuman," kata beliau. -- Lagi.

▼03/06/14-37MST

CNS1226

R GB 03-06 00121 BA513

bah

Mahathir - Pemimpin 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Islam menuntut keadilan bukan daripada kalangan pemimpin atau pemerintah sahaja tetapi di kalangan seluruh masyarakat asalkan wujud tiga aspek keadilan tadi, kata beliau.

"Dengan itu jika orang ramai diberi hak untuk memilih pemimpin, mereka hendaklah memilih orang yang layak dan berkebolehan. Segala rasuah, seperti menuntut sesuatu bagi diri sendiri atau pihak tertentu sebagai balasan kepada sokongan yang diberi adalah bertentangan dengan keadilan dalam Islam," kata beliau.

Katanya membuat keputusan, sama ada dalam aspek sosial, politik, ekonomi mahupun pentadbiran dan pengurusan, juga hendaklah mencerminkan keadilan kerana keputusan yang boleh membawa keburukan kepada mana-mana pihak adalah keputusan yang zalim. -- Bernama.

MSZ AHH NM.

▼03/06/14-47MST